



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PEGAWAI PELAJARAN KANAN (G.15)  
JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Pendidikan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.




**PEGAWAI PELAJARAN KANAN  
JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.15 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Curriculum / Curriculum Development* (pengkhususan dalam Bahasa Arab / *Information and Communication Technology (ICT)* / Pendidikan Jasmani / Matematik / Melayu Islam Beraja / Pengajian Islam / Sains / Sains Sosial) / *Pedagogy and Assessment* / Pendidikan Menengah / Pendidikan Rendah atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.13 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**


2. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah,** hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.11 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
4. Mempunyai pengalaman sebagai tenaga pengajar dan pengalaman mengajar dalam mata pelajaran yang bersesuaian tidak kurang dari 5 tahun.
5. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris / Bahasa Arab adalah kelebihan.
6. Berkemahiran yang tinggi dalam bidang pendidikan Bahasa Arab / *Information and Communication Technology (ICT)* / Pendidikan Jasmani / Matematik / Melayu Islam Beraja / Pendidikan Islam / Sains / Sains Sosial / *Geography* / *History* / *Travel and Tourism* di peringkat rendah dan menengah adalah kelebihan.
7. Berkemahiran dalam penulisan dan penyuntingan bahan kurikulum Pendidikan Matematik / Melayu Islam Beraja / Sains / Pendidikan Islam dan Bahasa Arab / Teknologi Maklumat / Pengajian Kemasyarakatan / Estetika adalah kelebihan.



8. Berkemahiran dalam penyediaan dan penyelarasan kertas kerja projek beserta laporan-laporan pendidikan mengikut jangka masa yang ditetapkan adalah kelebihan.
9. Berkemahiran dalam membina penilaian mata pelajaran Bahasa Arab / *Information and Communication Technology (ICT)* / Pendidikan Jasmani / Matematik / Melayu Islam Beraja / Pendidikan Islam / Sains / Sains Sosial / *Geography* / *History* / *Travel and Tourism* terutamanya *School Based Assessment (SBA) Tasks* di peringkat menengah adalah kelebihan.
10. Mempunyai Laporan Pernilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Unit dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab Unit Matematik / Melayu Islam Beraja / Sains / Pendidikan Islam dan Bahasa Arab / Teknologi Maklumat / Pengajian Kemasyarakatan / Estetika;
2. Mengkaji dan merancang kerja-kerja ke arah pembinaan, pengemaskinian dan pelaksanaan *Literacy Standard* dan kurikulum sekolah bagi mata pelajaran Matematik / Melayu Islam Beraja / Sains / Pendidikan Islam dan Bahasa Arab / Teknologi Maklumat / Pengajian Kemasyarakatan / Estetika di peringkat rendah dan menengah berdasarkan keperluan dan matlamat pendidikan negara;
3. Menyediakan dan menerbitkan bahan-bahan kurikulum atau menilai kesesuaian bahan-bahan kurikulum terbitan luar Jabatan bagi mata pelajaran Bahasa Arab / Pendidikan Jasmani / Matematik / Melayu Islam Beraja / Pendidikan Islam / Sains / Sains Sosial / *Geography* / *History* / *Travel and Tourism* seperti sukatan pelajaran, buku teks, buku kerja, buku sumber, buku panduan guru dan bahan bantu mengajar berbentuk media cetak atau elektronik;
4. Sebagai Ketua Pengurus Projek dalam mengurus dan melaksanakan projek-projek unit termasuk menyediakan kertas kerja, membentuk *gantt chart*, *workflow* dan laporan keperkembangan (*progress report*);
5. Mencuba dan menguji kesesuaian bahan-bahan atau rancangan-rancangan kurikulum yang berkenaan secara terkawal di dalam bilik darjah;



6. Menilai, mengemaskini dan memperbaiki bahan-bahan atau rancangan-rancangan kurikulum yang berkenaan dari semasa ke semasa untuk memastikan kualiti dan kesesuaian penggunaannya di sekolah-sekolah;
7. Memantau dan membantu dalam membimbing serta melatih guru-guru bagi penggunaan bahan-bahan atau rancangan-rancangan kurikulum yang berkenaan melalui taklimat, bengkel, muzakarah dan sebagainya;
8. Memantau penggunaan bahan-bahan atau rancangan-rancangan kurikulum yang telah disediakan dan diagih-agihkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah dan mengambil tindakan sewajarnya untuk pembaikan;
9. Menyebarluaskan maklumat kepada pihak sekolah mengenai pembaharuan dan amalan-amalan terbaik dalam perkembangan kurikulum mata-mata pelajaran di bawah bidang kuasa unit mengikut keperluan dan kesesuaianya;
10. Menyediakan rancangan kerja tahunan, kalendar aktiviti tahunan, laporan rancangan kerja dan anggaran perbelanjaan unit; dan
11. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah, Penolong-Penolong Pengarah Perkembangan Kurikulum dan Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dari semasa ke semasa.